

UM-10 Jan 2006

Khairy dipilih ahli The Forum of Young Global Leaders

KUALA LUMPUR 9 Jan. – Naib Ketua Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin (*gambar*) dipilih sebagai ahli *The Forum of Young Global Leaders* yang berpangkalan di Geneva, Switzerland.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh laman web Young Global Leaders hari ini, Khairy merupakan salah seorang daripada 238 pemimpin muda yang memiliki pelbagai latar belakang menarik dari seluruh dunia dipilih menyertai forum berkenaan.

Senarai nama ahli berkenaan telah diumumkan oleh Pengerusi Eksekutif World Economic Forum, Klaus Schwab.

Menurut Schwab, ahli forum terdiri daripada pemimpin berwibawa berumur dalam lingkungan 40-an atau kurang serta memiliki komitmen tinggi terhadap tanggungjawab untuk kejayaan organisasi.

“Mereka dipilih daripada 8,000 calon dari seluruh dunia dan ahli *Young Global Leaders* yang baru ini telah dipilih oleh sebuah jawatankuasa khas,” katanya.

Sebanyak 71 ahli dipilih dari Eropah, 63 dari Amerika Utara, 49 dari Asia, 19 dari Timur Tengah dan Utara Afrika, 19 dari Afrika, manakala 17 dari Latin Amerika.

Setiap tahun 200 ahli baru *Young Global Leaders* yang ditubuhkan oleh Schwab pada 2004 itu akan dipilih dan kini ahlinya telah mencecah seramai 1,111 orang.

Khairy yang dihubungi hari ini menyatakan rasa bangga dengan pemilihan itu.

